

# PANDUAN YANG SEBENAR KEPADA ANAK-ANAK MUDA

(Oleh: al-Ustaz Badruddin)

-----\*-----\*

Dalam suatu majlis yang penuh dengan anak-anak muda – anak-anak muda yang bercita-cita tinggi yang sentiasa didorong oleh semangat yang berkobar-kobar. Tiba-tiba salah seorang di antara mereka berkata:

“Mengapa orang ramai mencela dan memerangi fahaman Komunis?”

“Kerana fahaman itu menyalahi ajaran Islam” – sahut seorang rakannya.

“Adakah fahaman yang menganjurkan membaiki nasib orang-orang miskin dan mendapatkan keadilan di dalam pembahagian kekayaan itu dituduh menyalahi ajaran Islam?”

Bertanya anak muda itu dengan bersemangat rupanya.

Pendapat anak muda itu telah disokong oleh seorang rakannya yang lain, katanya: “Tidaklah fahaman Komunis memerangi penjajah-penjajah Barat?”

-----\*-----\*

Dalam memahamkan kedudukan fahaman Komunis yang sebenar maka rasanya anak-anak tidak boleh disalahkan. Anak-anak muda yang berjiwa pemberontak, yang berdarah panas dan yang bekerja dengan tugas dan cergas tentulah mereka akan terasa bosan kepada gerak langkah kerajaan yang lembab dalam soal membaiki susunan masyarakat yang elok dan memuaskan, dan hal inilah yang mendorong mereka tertarik kepada dakyah-dakyah Komunis tentang soal membaiki nasib pekerja-pekerja dan susunan kehidupan yang pincang!

Mereka akan tertarik kepada dakyah-dakyah Komunis itu tatkala mereka memandang bagaimana jauhnya peringkat perbezaan di antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin, dan tatkala mereka terdiam dengan geramnya, dengan mendidih darahnya mengenangkan segala janji-janji yang dijanjikan itu adalah berbuahkan hampa layang!

Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa dalam soal yang demikian rumitnya maka anak-anak muda itu tidak boleh disalahkan, kerana mereka memandang di sekelilingnya dan mengukurnya dengan ukuran kebendaan yang tergambar dengan jelasnya di dalam susunan masyarakatnya yang tidak memuaskan itu tetapi dari segi ini mereka telah menunjukkan singkat pemandangan atau lebih tegasnya mereka tidak mengetahui akan hakikat Islam yang sejati dan roh ajarannya yang tulin. Kalau tidak tentulah mereka telah mengetahui bahawa susunan masyarakat yang telah dianjurkan oleh Islam adalah suatu susunan yang adil dan sempurna. Islam selama-lamanya membela golongan yang menderita dan membaiki nasib mereka serta memaksa golongan yang kaya raya mengambil berat dan menguntukkan sebahagian yang tertentu daripada harta mereka kepada golongan yang telah terkecua hidupnya dan tidak bernasib itu.

Dan juga anak-anak muda yang berpendapat demikian telah menggunakan pandangan yang salah dan tidak sempurna bahkan telah memandang dari satu segi sahaja dengan tidak teringat bertanya kepada diri sendiri – sudahkah Komunis itu berjaya menimbulkan jurang yang memisahkan di antara golongan yang kaya raya dengan golongan yang miskin menderita?


-----\*-----\*

Mereka juga elok bertanya kepada diri sendiri: Adakah fahaman Komunis yang sedang berjalan pada masa ini sesuai dengan fahaman yang telah dianjurkan oleh Karl Marx?

Yang sebenarnya Stalin telah mengubah fahaman Komunis sehingga telah menjadi suatu kuasa penjajah dan perampas. Kerajaan yang telah tunduk di bawah kuasa Komunis telah diwajibkan terletak di bawah kuasa komunis yang berpusat di Moscow dan inilah sebabnya yang menjadikan “Marshal Tito” yang telah masak dan faham akan ajaran Karl Marx daripada “alif” sampai “ya” telah berpaling tada daripada Stalin dan telah enggan mendahuluikan

# Tingkuon

Dapur Minyak Tanah  
Perbuatan Amerika:  
Cap Kekupu




Muka atasnya terlengkap dengan timah sari yang kukuh:  
Bersih  
Ada membawa satu bauan  
Kurang memakan minyak tanah.

Lampu Pam:  
Cap Bintang  
Cap Kekupu  
Cap Mata



Terang dan  
kurang memakan  
minyak tanah.



"Butterfly"  
mantle  
TRADE MARK  
NO. 999

Pembahagi Khas:

**LEA HIN Co.,**  
231, South Bridge Road, Singapore.  
Tel: 3166 - T.A. "CHINALAMP"

maslahat Rusia daripada maslahat Yugoslavia, dan telah enggan menjadikan titah perintah Stalin suatu firman yang terbitnya daripada kitab suci yang mesti ditaati.

-----\*-----\*

Kesimpulannya bahawa Komunis yang sebenar tidak Ddpat membaiki kesalahan yang kerananya dia telah mencela kerajaan-kerajaan demokrat atau kapitalis itu.

Kalau sungguh kita berkehendak kepada suatu susunan masyarakat yang adil dan sempurna maka Islamlah hendaknya menjadi tujuan kita yang lebih utama. Di dalam Islamlah akan didapati jawapan soal yang merunsingkan ini dengan sejelas-jelasnya!

Islam yang berpandu kepada al-Quran dan al-hadis telah menetapkan satu persatu cara-cara yang utama yang sesuai kepada kehidupan manusia di dalam segala peringkatnya dan sesuai dengan masanya. Di dalam Islam telah diwajibkan mengutamakan persaudaraan dan di dalam mengutamakan persaudaraan itu Islam mewajibkan supaya tiap-tiap seseorang itu mempunyai

tanggungjawab kepada saudara-saudaranya dan disuruh berhati rahim dan ihsan serta muhibah di antara satu dengan lain. Islam tidak menyekat kehendak-kehendak tabii manusia untuk mendapat balasan-balasan daripada usaha-usaha yang didapatinya tetapi kehendak-kehendak tabiat kepada kelebihan itu dikehendaki pula supaya tiap-tiap seorang daripada mereka yang mendapat kelebihan memberi kelimpahan dan menyampaikan pertolongan-pertolongannya kepada mereka yang tidak berjaya memperoleh apa-apa yang didapat daripada usaha-usahanya. Dengan yang demikian tidaklah di dalam Islam itu merampas hak-hak kebolehan yang didapati oleh seseorang sebagaimana adanya pengajaran-pengajaran yang dianjurkan oleh Komunis yang merampas dengan kekerasan akan hak-hak yang didapati oleh perseorangan, yang bermakna merampas kebebasan manusia dengan kekerasan; dan inilah dia perbezaan-perbezaan yang besar di antara faham-faham Islam dengan Komunis iaitu selain daripada faham tentang mengesakan Tuhan, di dalam mana Islam mengakui keesaan Tuhan, maka Komunis hanya mengakui semata-mata akan kebendaan juga.